



DAING NASIR IBRAHIM (tengah) bersama peserta Konvoi Jelajah Kembara Waqaf Merdeka mengibarkan Jalur Gemilang pada majlis perarasan Hari Kebangsaan peringkat UMP di Dewan Bankuet Canselor Tun Abdul Razak, UMP Pekan Pahang, baru-baru ini.

Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP

UJ (HELLO UAMP45) 30/8/17 (P)BU) M/S 24

Oleh MOHD. SAIFUL

MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my



SAMBUTAN Hari Kebangsaan peringkat **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** tahun ini mencatat kelainan apabila 15 kakitangannya menyertai konvoi bermotokal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka dalam usaha merakamkan kembali sejarah kemerdekaan negara.

Sepanjang perjalanan yang memakan masa selama 60 jam itu, peserta konvoi singgah di beberapa negeri bermula di Pahang, kemudian ke

Terengganu, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan.

Siri jelajah selama 60 jam itu juga simbolik kepada 60 tahun kemerdekaan yang dikecapi Malaysia.

Majlis pelantikan konvoi disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim pada majlis

perarasan Hari Kebangsaan 2017 peringkat UMP yang diadakan di Dewan Bankuet Canselor Tun Abdul Razak, UMP Pekan Pahang, baru-baru ini.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, UMP turut sama memiahkan sambutan yang istimewa ini sebagai manifestasi patriotisme terhadap tanah air.

Katanya, penglibatan ini dilihat sebagai tanggungjawab setiap warga Malaysia dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

"Pelbagai acara telah diatur UMP antaranya mengadakan Jalur Gemilang kepada setiap jabatan di UMP bagi meningkatkan semangat

patriotisme dalam kalangan warga universiti," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Program, Nor Azazi Mamat dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP berkata, pejuang berkonvoi itu membolehkan mereka menyampaikan mesej dan mempromosi program derma wakaf UMP, MyGift pastinya menjadi satu pengalaman yang berharga.

"Kesemua peserta yang terdiri daripada kakitangan UMP dan peserta yang berpengalaman dalam pemanduan jarak jauh ini sentiasa bersemangat dengan

mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang perjalanan.

"Ini adalah simbolik dalam menunjukkan rasa sayang kepada negara serta semangat patriotisme kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan peringkat umur," katanya.

Lokasi pertama, jelajah kembara telah melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Astana Kuantan, Pahang yang disambut oleh Guru Penolong Kanan Satu, Mohd. Nasir Abd Rahman dan pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Konvoi kemudian meneruskan perjalanan menuju ke pantai timur dan terus ke utara melawat Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan disambut oleh Pengarah Pusat Sukannya, Suhizar Sudin dan bekas atlet

DAING NASIR IBRAHIM melepaskan peserta konvoi bermotokal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP.

olahraga Malaysia, Nazmizan Muhammad.

Jelajah meneruskan perjalanan ke Ibu Pejabat Utusan Melayu

(M) Berhad di Kuala Lumpur dan disambut oleh Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor.

Konvoi bermotokal kemudian meneruskan perjalanan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan disambut oleh Pengarah Pusat Utem, Dr. Rosli Saadan.

Peserta konvoi kemudian menuju ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan diraikan oleh Pengurus Pusat Sukan UTHM, Azli Puddin. Jelajah kemudian bergerak dari UTHM menuju ke Teluk Cempedak Kuantan, Pahang yang merupakan

lokasi terakhir peserta dalam mengakhiri Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP.

Para peserta telah disambut dan diraikan oleh, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Saif.



MOHD. HASSAN MOHD. NOOR (tengah) bersama peserta konvoi bermotokal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP mengibarkan Jalur Gemilang di Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur.



PESERTA konvoi bermotokal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP berbaris berbaris di sepanjang SMK Astana Kuantan, Pahang.